

Keberkesanan Penilaian *Field Trip Observation* Dalam Meningkatkan Pengetahuan Dan Kemahiran Pelajar Bagi Kursus *Introduction to Retailing* Di POLIMAS

Mastura Mohamad Noor¹, Suriani Md Saleh², Muhamad Nazran Bin Hamzah³

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

ABSTRAK: Kursus *Introduction to Retailing* merupakan salah satu kursus wajib yang perlu dipelajari oleh pelajar semester 4, Diploma Pemasaran, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Salah satu penilaian yang terdapat dalam kursus ni adalah *Field Trip Observation* yang mana pelajar perlu lulus dengan syarat menghadiri lawatan beserta laporan. Penilaian ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia sebenar peruncitan supaya pelajar boleh mengaplikasikan teori yang dipelajari di bilik kuliah. Kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan program *Field Trip Observation* dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar khususnya bagi topik pengurusan hubungan pelanggan (CRM). Aspek yang dikaji meliputi kesesuaian tempat lawatan, kemahiran komunikasi dan kemahiran insaniah (*softskills*). Satu instrument kajian yang berbentuk soalan kaji selidik telah diedarkan kepada 50 orang pelajar semester 4 yang telah mengambil kursus ini pada semester 1 2023/2024. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan peratus. Dapatan kajian menunjukkan program lawatan ini memberikan kesan yang memberangsangkan kepada pelajar. *Field Trip Observation* ternyata dapat memberi keberkesanan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar terutama dalam kuliah dan sebagai pengalaman untuk menghadapi alam pekerjaan kelak.

Kata kunci: keberkesanan, pengetahuan dan kemahiran.

1.0 PENGENALAN

Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah adalah salah satu Politeknik Malaysia yang berada di sebelah Zon Utara Malaysia iaitu di Jitra, Kedah. Politeknik ini menawarkan pelbagai jurusan sama ada jurusan kejuruteraan atau bukan kejuruteraan. Diploma Pemasaran adalah salah satu program yang terdapat di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang menawarkan kursus DPM40063 iaitu *Introduction to Retailing* (Pengenalan kepada Peruncitan). Ianya adalah kursus wajib yang perlu diambil oleh pelajar program Diploma Pemasaran untuk tamat dalam pengajian yang terdiri daripada pelajar semester 4. Dibawah kursus ini terdapat penilaian *Field Trip Observation* yang mana pelajar akan membuat lawatan ke industri peruncitan untuk menyiapkan laporan yang berkaitan dengan topik 7 iaitu pengurusan hubungan pelanggan (CRM).

Penilaian ini dibuat adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang dunia peruncitan sebenar supaya pelajar dapat mempraktikkan teori dengan alam pekerjaan yang bakal ditempuhi kelak. Memiliki diploma sahaja tidak mencukupi, sebaliknya pelajar perlu mempunyai kompetensi dan kemahiran komunikasi yang baik untuk mereka lebih berdaya saing sama ada diperingkat IPT ataupun di luar. lawatan sambil belajar merupakan satu bentuk proses pembelajaran yang sangat praktikal kerana peserta lawatan tersebut akan merasai, mengetahui dan memahami proses yang berlaku dalam pekerjaan dunia sebenar, dan seterusnya akan menjadikan peserta lawatan untuk lebih berpengetahuan dan berkeyakinan (Abdul Rasid et al, 2014). Lawatan sambil belajar dapat membantu

membentuk sikap yang lebih matang dan peserta juga boleh memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian.

Menurut Ariana Fidelia (2024), melalui lawatan ini, ia memberikan mereka pandangan holistik tentang operasi korporat dan mendedahkan mereka kepada cabaran dan peluang dunia sebenar. Pelajar yang lebih bersedia dengan maklumat tentang lawatan akan lebih produktif semasa aktiviti tersebut. Hasil daripada penilaian ini menunjukkan bahawa pelajar dapat mengaitkan pengalaman mereka dengan pembelajaran di dalam kelas, yang seterusnya meningkatkan prestasi akademik mereka. Lambakkan peruncit dalam pasaran sama ada dalam jualan produk atau perkhidmatan memberi ruang kepada pelajar-pelajar untuk mengenali industri dengan lebih dekat lagi melalui penilaian lawatan yang diadakan. Menurut Noor Idahwati & Nooraini (2011), bersesuaian dengan era globalisasi dan ke-ekonomi kini, majikan mempunyai sikap selektif dalam memilih individu yang bekerja di organisasi mereka. Maka melalui lawatan yang diadakan ini dijangka akan dapat meningkatkan pengetahuan pelajar dengan situasi semasa, pengalaman yang praktikal, kemahiran insaniah dan sikap yang positif dalam menghadapi cabaran kerja yang akan datang. Pendedahan terhadap persekitaran industri membantu pelajar mendapatkan potensi kerjaya yang lebih baik dan memperoleh nasihat yang berharga secara terus daripada pemain industri (Markom et al., 2011).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan penilaian *field trip observation* dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar bagi kursus *Introduction to Retailing* di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. Ia melibatkan aspek pengetahuan dan pengalaman semasa mengadakan lawatan, kemahiran komunikasi dan kemahiran insaniah (*softskill*).

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 2.1 Mengenalpasti keberkesanan *field trip observation* ini dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar sewaktu lawatan tersebut diadakan.
- 2.2 Mengenalpasti keberkesanan *field trip observation* ini dapat meningkatkan penguasaan kemahiran komunikasi pelajar dengan pihak luar.
- 2.3 Mengenalpasti keberkesanan *field trip observation* dapat meningkatkan kemahiran insaniah melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang lawatan diadakan.

3.0 METODOLOGI

Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kuantitatif dalam bentuk soal selidik. Kajian ini menilai keberkesanan penilaian *field trip observation* dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar bagi kursus *introduction to retailing* di Polimas. Maka populasi untuk kajian ini adalah pelajar Semester 4 daripada Program Diploma Pemasaran yang mengambil kursus *Introduction to Retailing*. Populasi untuk kajian ini akan

merangkumi semua pelajar semester 4 program Diploma Pemasaran yang mengambil kursus ini bagi sesi 1 2024/2024 seramai 97 orang.

3.1 Soal selidik

Kajian ini melibatkan pelajar semester 4 bagi program Diploma Pemasaran yang terdiri daripada dua kelas iaitu DPR4B dan DPR4D. Soal selidik ini diedarkan kepada pelajar secara tidak rawak yang mengandungi 14 soalan yang melibatkan 49 orang pelajar yang dipilih sebagai responden. Soal selidik akan diedarkan kepada pelajar secara online yang menggunakan *google form* dan diberi masa selama 2 hari untuk dijawab.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden. Bahagian satu (1) meninjau maklumat peribadi responden. Manakala bahagian dua (2) hingga empat (4) berkaitan keberkesanan meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar, keberkesanan meningkatkan penguasaan kemahiran komunikasi pelajar dan keberkesanan meningkatkan kemahiran insaniah yang menggunakan *Skala Likert* sebagai aras persetujuan responden terhadap item yang dinyatakan iaitu 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (kurang pasti), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Data dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science (version 26.0, 2019, SPSS)*.

4.0 ANALISIS DATA

4.1 Analisis Data

Kajian ini melibatkan responden seramai 49 orang yang terdiri daripada pelajar semester 4 program Diploma Pemasaran di Polimas. Data yang diperolehi bagi mengenalpasti peratusan objektif kajian.

5.0 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis data bagi Bahagian B dianalisis bagi memperolehi skor min bagi menentukan keberkesanan penilaian *Field Trip Observation* dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar bagi kursus *Introduction to Retailing* di Polimas. Terdapat tiga aspek dinilai iaitu keberkesanan meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar, keberkesanan meningkatkan penguasaan kemahiran komunikasi pelajar dan keberkesanan meningkatkan kemahiran insaniah.

5.1 Analisis keberkesanan pengetahuan dan pengalaman pelajar sewaktu lawatan tersebut diadakan.

Jadual 1: Tahap pengetahuan dan pengalaman pelajar

Pengetahuan dan pengalaman	Peratus
1.Meningkatkan pengetahuan terhadap hasil pembelajaran	85.7
2.Membuat perkaitan dengan bidang pengajian yang diikuti	85.7
3.Memahami hubungkait di antara pembelajaran teori dan amali.	87.8
4.Meningkatkan keinginan untuk meneroka bidang pengajian yang dipelajari	89.8

Berdasarkan kepada Jadual 1 di atas, item 1 menunjukkan sebanyak 85.7% responden bersetuju bahawa melalui lawatan industri ini dapat meningkatkan pengetahuan terhadap hasil pembelajaran kerana pelajar dapat mempraktikkan teori dengan pengalaman industri yang baru dipelajari. Menurut Tomkovick, 2004, dengan adanya pembelajaran di luar bilik kuliah pelajar mendapat kemahiran dan pengalaman yang lebih meluas. Manakala bagi item 2 juga mendapat 85.7% yang mana lawatan yang diikuti mempunyai kaitan dengan bidang pengajian yang diikuti. Pada item yang seterusnya responden juga bersetuju bahawa lawatan industri memberi hubungkait di antara pembelajaran teori dan amali sebanyak 87.8%. Ini kemungkinan merujuk tempat lawatan yang dipilih sememangnya menawarkan perkhidmatan seperti yang terdapat dalam silibus dan menjadikan pemahaman pelajar terhadap topik tersebut menjadi lebih mudah difahami. Item yang terakhir menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu 89.8% yang mana hasil dari lawatan menjadikan pelajar lebih berkeinginan untuk meneroka bidang pengajian yang dipelajari pada masa akan datang. Rata-rata pelajar merasakan keseronokan sewaktu lawatan tersebut dilaksanakan disamping aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh pihak industri. Ternyata penilaian *field trip observation* ini berjaya meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar dan secara tidak langsung pelajar dapat kaitkan teori dan praktikal dalam pengajian.

5.2 Analisis keberkesanan penguasaan kemahiran komunikasi pelajar sama ada dikalangan pelajar ataupun dengan wakil industri.

Jadual 2: Penguasaan kemahiran komunikasi

Penguasaan kemahiran komunikasi	Peratus
1.Mempamerkan kemahiran berinteraksi dengan pihak industri.	85.7
2.Memahami kepentingan hubungan dengan pihak industri.	85.7
3.Berkongsi idea secara terbuka.	85.7
4.Berkeyakinan dalam memberi pendapat	85.7

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas, item 1 sehingga 4 menunjukkan sebanyak 85.7% responden bersetuju bahawa melalui lawatan industri ini dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran komunikasi pelajar sama ada dari segi interaksi dengan industri, membina hubungan dengan industri, berkongsi idea dan berkenyakinan dalam memberi pendapat. Dapatan ini tercapai kerana pelajar dilihat semasa sesi soal jawab bersama industri pelajar boleh memberi soalan dan menjawab sebarang pertanyaan yang diajukan oleh pihak industri. Ini menjadikan pelajar lebih berkenyakinan dalam berkomunikasi dan secara tidak langsung pelajar akan mampu meningkatkan penguasaan kemahiran komunikasi dengan baik. Menurut Seidman & Brown (2006), interaksi dengan syarikat-syarikat tempatan sebagai sebahagian daripada kursus pemasaran melalui lawatan lapangan industri merupakan satu cara untuk menimbulkan minat yang tinggi terhadap pelajar dengan kaedah belajar daripada sumber luar.

5.3 Analisis keberkesanan kemahiran insaniah melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang lawatan tersebut.

Jadual 3: kemahiran insaniah melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang lawatan tersebut.

kemahiran insaniah melalui aktiviti lawatan	Peratus
1. Membantu diri menjadi lebih fokus dan produktif terhadap bidang pengajian yang dipelajari.	85.7
2.Meningkatkan motivasi diri.	87.8
3.Memahami tanggungjawab yang perlu dipraktikkan .	85.7
4. Menyediakan diri untuk melangkah ke alam pekerjaan	81.6

Berdasarkan kepada Jadual 3 di atas, item 1 menunjukkan peratus yang tinggi sebanyak 85.7%, responden sangat bersetuju bahawa melalui lawatan industri ini dapat membantu diri menjadi lebih fokus dan produktif terhadap bidang pengajian yang dipelajari.kerana pelajar dapat mempelajari sesuatu yang baru dalam industri dan pelajar boleh melihat sendiri bidang pengajian tersebut secara realiti yang mana akan memberi persepsi yang positif kepada pelajar dalam membuat keputusan. Bagi pandangan pelajar mereka amat meminati dan terpegun dengan pengalaman lawatan yang dibuat kerana ini merupakan lawatan berbentuk akademik yang memberikan peluang mereka mendekatkan diri dengan profesional buat kali pertamanya pada kebanyakan pelajar (Laverie, 2006). Manakala bagi item 2 juga menunjukkan peratus yang lebih baik lagi iaitu 87.8% yang mana lawatan yang diikuti dapat meningkatkan motivasi diri apabila pelajar diberi peluang untuk membuat sesi Q&A dengan industri. Pada item yang seterusnya responden juga bersetuju bahawa lawatan industri membantu memahami tanggungjawab yang perlu dipraktikkan iaitu sebanyak 85.7%. Ini merujuk kepada hasil lawatan pelajar dikehendaki membuat laporan berkaitan dengan topik

yang terlibat. Pelajar bertanggungjawab menulis laporan dengan baik dan menepati kepada soalan penilaian. Ia menjadikan pelajar bersedia sama ada sebelum, semasa dan selepas lawatan supaya maklumat dapat dikumpul dengan baik dan mampu melahirkan laporan yang terbaik. Akhir sekali, pelajar dapat menyediakan diri untuk melangkah ke alam pekerjaan dengan mendapat sebanyak 81.6%. Menurut R.A. Carroll, 2000, berpendapat bahawa kelas yang mempunyai integrasi dengan komuniti perniagaan akan memberikan persediaan yang lebih baik tentang dunia pekerjaan dibidang pemasaran secara praktikal berbanding lawatan tanpa diintegrasikan dengan pengalaman dalam proses pembelajaran. Ini menunjukkan pentingnya penilaian ini kerana ia mampu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar apabila berada dalam bilik kelas atau semasa bekerja kelak kerana mereka dapat menyesuaikan diri dengan apa jua situasi dengan fikiran yang positif.

6.0 DISCUSSION AND CONCLUSIONS

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan bahawa, penilaian *field trip observation* ini berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar bagi kursus *Introduction to Retailing* di Polimas. Ia penting sebagai satu pendedahan awal kepada pelajar sebelum mereka melalui latihan industri yang sebenar pada semester akhir nanti. Lawatan bersama industri dan institusi lain perlu diwujudkan oleh Program Pemasaran dari semasa ke semasa supaya memberi pelajar lebih bersedia dari pengetahuan dan kemahiran komunikasi supaya mereka lebih yakin apabila memasuki bidang pekerjaan kelak. Selain itu, ia memberi ruang kepada pensyarah-pensyarah untuk memperbaiki dan mengemaskini maklumat terkini berkaitan dengan lawatan industri yang boleh dikaitkan dengan teori yang diajar di dalam kelas. Penilaian ini diharap dapat diteruskan pada kohort yang seterusnya kerana ia jelas dapat membantu memberi pendedahan kepada pelajar dan meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap kursus melalui pengalaman yang dilalui semasa lawatan dilaksanakan. Secara tidak langsung ia menjadi program yang bermanfaat dan menarik bagi pelajar supaya lebih menjuruskan kepada keupayaan menyediakan pelajar kearah menjadi seorang yang lebih bersedia dengan cabaran pemasaran nanti.

REFERENCES

- Abdul Rasid Abdul Razzaq, Mohamad Zaid Mustafa & Syed Shikh Syed A. Kader (2014) Pembangunan Keupayaan Komuniti Menerusi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengaalaman (Experiential Learning Approach): Pengalaman Di Miso Walai Homestay Kinabatangan Sabah. CiE-TVET Prosiding 080
- Ariana Fidelia (2024). <https://suarasarawak.my/pelajar-mantapkan-pengetahuan-teori-dengan-amali-menerusi-lawatan-industri/>

- Carroll, C. (2000, August 9-12). Preparing public relations and advertising students for the 21st century : A case study. Paper presented at the annual meeting of the Association for Education in Journalism and Mass Communicationj, Phonix, Az (Eric Document Reproduction Service No. Ed 444 203). Retrieved August 12, 2007, from http://www.eric.ed.gov/ERICDocs/data/ericdocs2sql/content_storage_01/0000019b/80/16/63/7a.pdf
- Laverie, D.A. (2006). In-class active cooperative learning: a way to build knowledge and skills in marketing courses. *Marketing Eduication Review*, 16(2), 59-76
- Markom, M., Khalil, M. S., Misnon, R., Othman, N. A., Abdullah, S. R. S., & Mohamad, A. B. (2011). Industrial talk and visit for students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 18, 674-682.
- Mat Som , A. P. and Furqan.2010. Nurturing experiential learning in co-curriculum activities:case study of tourism clubs in secondary school. *International Journal of Academics Research* 2(4): 367-372. [Httpswww.ijar.lit.az/pdf/6/2010](httpswww.ijar.lit.az/pdf/6/2010)
- Noor Idahwati Mohd Noor & Nooraini Othman (2011), Ciri-ciri Pekerja Cemerlang Mengikut Persepsi Majikan dan Berasaskan Analisis Perspektif Islam, *Journal Of Edupres*, Volume 1 September , Pages 342- 349.
- Seidman, A., & Brown, S, (2006). Integrating outside learning with the classroom experience: The student learning imperative, *Education*, 127(1), 109-114.
- Tomkovick, C. (2004). Ten achor points for teaching principles of marketing, *Journal of Marketing Education*, 26(2), 109-115.